



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12/12/2018

KES PINDA LAPORAN AKHIR AUDIT 1MDB

Najib, Arul didakwa hari ini

BH-12/12/2018 m/s: 8

➔ Pelaksanaan selepas SPRM dapat izin Pejabat Peguam Negara

Oleh Nor Azizah Mokhtar
nnews @nstp.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak dan bekas Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda Kandasamy akan didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur hari ini berhubung kes pindaan terhadap Laporan Akhir Audit 1MDB.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dalam satu kenyataan semalam berkata proses itu dilaksanakan selepas pihaknya mendapat izin mendakwa daripada Pejabat Peguam Negara.

Namun begitu, SPRM memaklumkan bacaan pertuduhan akan dilakukan di Mah-

kamah Sesyen untuk kedua-dua individu itu dilakukan secara berasingan di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, jam 8 pagi ini.

"SPRM sebelum itu menahan Najib pada Isnin lalu bagi melengkapkan proses akhir siasatan sebelum dibebaskan dengan jaminan SPRM pada hari sama.

Arul ditahan semalam

"Arul Kanda pula ditahan pada jam 10.32 pagi ini (semalam) ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya bagi tujuan sama," kata kenyataan itu.

Pada 25 November lalu, Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad mendedahkan Najib mengarahkan pindaan dilakukan terhadap Laporan Akhir Pengauditan 1MDB membatalkan pengguguran beberapa perenggan.

Antara pengguguran maklumat itu termasuk membatalkan kehadiran ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low dalam mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB.

Sementara itu, peguam Arul Kanda, Datuk N Sivananthan, berkata anak guamnya bermalam di lokap SPRM malam tadi

kerana tidak dibenarkan ikat jamin selepas ditahan.

Arul ditahan kira-kira jam 10.35 pagi selepas hadir memberi keterangan bagi membantu siasatan kes pindaan Laporan Akhir Audit 1MDB dan dijangka dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk diduduh pagi ini.

Katanya, Arul Kanda akan didakwa mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 kerana salah guna kuasa.

"Beliau akan didakwa bersama bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, esok (hari ini).

Tidak dibenar ikat jamin

"Arul tidak dibenarkan ikat jamin dan akan bermalam di lokap SPRM sebelum dibawa ke Mahkamah Jalan Duta (Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur) esok pagi (hari ini)," katanya dalam sidang media di perkarangan lobi SPRM, semalam.

Terdahulu, Arul Kanda tiba kira-kira jam 9.37 pagi dipercayai menggunakan laluan belakang ibu pejabat pencegahan rasuah berkenaan sebelum dilihat mendaftar di kaunter lobi bangunan ibu pejabat pencegahan rasuah berkenaan.

Arul Kanda yang juga bekas Presiden 1MDB dilihat berpakaian kemeja biru muda berseluar gelap selain turut mengenakan topi besbol biru gelap.

Turut dilihat hadir di ibu pejabat SPRM ialah bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa beberapa minit sebelum Arul Kanda.

Bagaimanapun, SPRM tidak menyatakan tujuan Ali berada di situ.

Antara individu lain yang sudah dirakam keterangan berhubung kes itu termasuk Najib, bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad; bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, pegawai Jabatan Audit Negara dan pegawai Kementerian Kewangan.

Pada 25 November lalu, Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad mendedahkan Najib mengarahkan pindaan dilakukan terhadap Laporan Akhir Pengauditan 1MDB menerusi pengguguran beberapa perenggan.

Antara pengguguran maklumat itu termasuklah membatalkan kehadiran ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low dalam mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB.